

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA
MEMBINCANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERBA-
DANAN TANAH NEGARA DI DEWAN RAKYAT PADA
16 NOVEMBER, 1965

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-Undang yang ada di hadapan Dewan ini, iaitu Rang Undang-Undang Perbadanan Tanah Negara untuk pemulihan dan juga penyatuan tanah. Saya sangat sukacita bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh dikatakan semuanya termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang, telah menyokong Rang Undang-Undang ini. Tetapi saya dukacita sedikit mendengarkan percakapan-percakapan daripada setengah-setengah Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutama daripada pihak pembangkang yang mengatakan Rang Undang-Undang ini tidaklah cukup luas dan tidak cukup tepat dan tidak mempunyai kuasa-kuasa yang penuh untuk menjalankan kehendak-kehendak negara.

Saya suka terangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan sangat halus sebelum mengemukakan Rang Undang-Undang ini, dan lagi ada banyak masalah-masalah yang terpaksa kita hadapi berkenaan dengan soal ini. Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sebutkan, ada masalah fragmentation iaitu tanah-tanah yang dipunyai oleh rakyat di kampung-kampung itu sangat kecil, tidak mencukupi untuk mereka itu mencari nafkah hidup.

Yang keduanya yang dikatakan absentee landlord — inipun satu masalah yang penting juga.

Dan lagi masalah yang lebih penting lagi — yang lebih mustahak kita atasi dengan seberapa segera, ialah ada tanah-tanah yang dipunyai oleh rakyat negeri ini, terutama daripada penduduk-penduduk luar bandar, yang tidak dapat dijayakan dengan sepenuhnya. Jadi, inilah perkara yang pertama sekali — yang mustahak sekali yang perbadanan ini patut atasi iaitu hendak menolong menjayakan tanah-tanah yang sekarang ini ada dipunyai oleh rakyat yang telah diberi kepada rakyat yang tidak dijayakan oleh mereka itu. Jadi setelah disiasati perkara ini iaitu sebabnya tanah-tanah tidak dapat dijayakan ialah kekurangan wang. Jadi, dengan sebab itulah perkara yang pertama perbadanan ini atau lembaga ini dikehendaki menjalankan ialah menolong pihak rakyat yang mempunyai tanah yang tidak dapat dijayakan tanah itu supaya tanah itu dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi, masalah yang kita terpaksa hadapi berkenaan dengan tanah ini adalah banyak. Jadi, tentulah kita tidak dapat mengatasi semua sekali dengan sertamerta, tidak dapat tiada perbadanan ini tentulah akan mengambil masa sebelum dapat mengatasikan semua sekali masalah-masalah yang telah disebutkan itu. Dengan sebab itulah kita terpaksa hendak menjalankan perkara ini dengan beransur satu persatu. Jadi, seperti saya kata tadi masalah yang penting sekali hendak jayakan tanah yang dipunyai oleh rakyat sekarang ini yang tidak berjaya dengan memuaskan hati.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak Socialist Front — I think so often they are carried away by their Socialist principles that they are out of touch with realities. As I said, we are fully conscious of the numerable problems connected with land fragmentation, absentee ownership and such other problems. But the main problem we have to face the most urgent one, is to help those land owners who have been given land but who have not been able to cultivate their land due to many reasons, one of which, of course is lack of capital.

I fully appreciate that there is the problem of absentee ownership but that is not prevalent in many areas. In some areas, this problem exists, but, in many, cases, this has been due to the fact that the tenants have not the means to develop the land, and that is why they have to mortgage the land to absentee land owners. But these are problems which we have to tackle in due course. But, as I said, the most important problem that the Authority will have to face immediately is to help the smallholders, particularly those, who will be given land under the Fringe Alienation Scheme and under the Controlled Alienation Scheme, who have not been able to cultivate their land satisfactorily.

The Honourable Member for Datuk Kramat¹ and also the Honourable Member for Batu² have suggested that the Government should have the power to compulsorily acquire uneconomic holdings for rehabilitation. Well, Sir, we have not got this power. This is not the way we would like to do things; and I think it is not desirable, under present conditions, for this Authority to have the power to acquire land of economic holdings for the purpose of rehabilitation.

As, I think, the Honourable Member for Penang Selatan³ has said, some people do have attachment to their land and we do not want to frighten people at this stage. We should like to do this by example,

¹ Mr. Lini Kean Siew

² Dr. Tan Chee Koon

³ *En.* Ismail bin Idris

by persuasion, and this is the way that we in the Alliance Government do things, and I am surprised that the Honourable Members, from the Socialist Front who have always been shouting for democracy, and have always been accusing us of dictatorial powers, of abusing democracy and what not.